

15 DEC 2000

Mahathir-Israel

MALAYSIA TIDAK PERNAH ADA HUBUNGAN DIPLOMATIK DENGAN ISRAEL

SERDANG, 15 Dis (Bernama) -- Malaysia tidak pernah mempunyai hubungan diplomatik dengan Israel dan tidak bercadang berbuat demikian sehingga masalah orang Palestin diselesaikan, kata Datuk Seri Dr Mahathir Mohamad.

Perdana Menteri berkata, sesiapa yang menyatakan bahawa kedua-dua negara itu mempunyai hubungan sebenarnya menyebarkan fitnah dan perkara seperti itu tidak seharusnya dicakapkan dalam bulan puasa ini.

"Saya ingin nyatakan di sini dan tolong sampaikan kepada rakan-rakan di seluruh universiti bahawa Malaysia tidak mempunyai hubungan dengan Israel," katanya ketika menjawab satu soalan pada majlis perjumpaan dan dialog dengan pelajar Universiti Putra Malaysia (UPM) di sini hari ini.

Dr Mahathir berkata bagaimanapun itu tidak bermakna beliau tidak boleh menulis surat kepada pemimpin Israel atau mereka menulis kepada beliau.

"Memang (Binyamin) Netanyahu dan (Ehud) Barak ada tulis surat kepada saya meminta Malaysia mengadakan hubungan dengan Israel. Jawapan yang kita beri ialah selagi tak selesai masalah Palestin, kita tak akan timbangkan kemungkinan itu," katanya.

Pelajar itu telah meminta Dr Mahathir menjelaskan sama ada Malaysia mengiktiraf Israel sebagai sebuah negara dan hubungan dua hala antara kedua-duanya.

Ketika menjawab soalan itu, Dr Mahathir berkata; "Saya percaya saudara berkata Malaysia mengadakan hubungan dengan Israel kerana saudara mungkin percaya kita ada hubungan dengan Israel. Jika saudara percaya kita tidak ada hubungan, tentulah tak perlu tanya. Tetapi dengan pertanyaan ini bermakna saudara percaya tentu kita ada hubungan dengan Israel."

Dr Mahathir berkata beliau ada mengucapkan tahniah kepada Barak semasa dia (Barak) dipilih sebagai Perdana Menteri tetapi berbuat demikian dengan harapan mereka (Israel) menghormati perjanjian yang dibuat dengan Palestin.

"Tetapi jelas mereka tak menghormati perjanjian itu, sebab itulah rundingan tamat," katanya.

Beliau berkata, pendirian Malaysia adalah jelas walaupun ada negara Islam lain yang mempunyai lebih ramai orang Islam telah mengadakan hubungan dengan Israel.

Katanya, Malaysia sentiasa memperjuangkan hak orang Palestin di forum-forum antarabangsa dan tidak takut berbuat demikian.

Ketika menjawab satu pertanyaan mengenai isu tuduhan kafir di kalangan umat Islam di negara ini, Dr Mahathir berkata perkara itu tidak seharusnya berlaku semata-mata kerana seseorang itu tidak menyokong atau mengundi orang tertentu.

Katanya, Islam meminta umatnya bersatu dan bersaudara dan bukannya berpecah-belah tetapi ada ramai yang ingin menolak persaudaraan dalam Islam.

"Kita tak boleh mengkafir orang lain... itu bukan hak kita. Yang tuduh orang lain kafir yang akan jadi kafir," katanya.

Beliau berkata penelitian harus dibuat sebelum menyatakan seseorang itu kafir dan itu hanya boleh dilakukan jika ada yang menolak dan tidak percaya kepada Allah dan Nabi Muhammad.

Dr Mahathir berkata kini terdapat kejadian pengedaran poster di sebuah universiti yang menyatakan seseorang itu akan menjadi kafir jika tidak mengundi puak tertentu.

"Itu dosa besar... akan terima balasan di akhirat nanti. Saya harap ini tak berlaku di UPM," kata beliau.

-- BERNAMA  
AR AHH NMO